



Telefon: 03-88701373/1378

Telefax: 03-8888 6906

E-mail: pro@mafi.gov.my

Homepage: <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

LPNM MAMPU TINGKATKAN KELUASAN TANAMAN NANAS NEGARA

SERDANG, 16 Mac – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan meningkatkan keluasan tanaman nanas negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) dari keluasan 16,000 hektar tanaman nanas pada masa kini kepada 20,000 hektar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata ini bagi menampung permintaan tinggi bukan sahaja untuk pasaran eksport, malahan permintaan untuk dalam negara.

Katanya nanas merupakan tanaman yang telah dikategorikan oleh pihak kerajaan sebagai Sumber Kekayaan Baru Negara susulan daripada permintaannya yang tinggi terutamanya pasaran eksport seperti varieti premium MD2.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Rakyat Pengusaha Nanas di Pusat Informasi Nanas, Laman Nanas MAEPS Serdang, Selangor, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Dr Anis Mahmood, Pengerusi LPNM Datuk Dr Sahruddin Jamal dan Timbalan Ketua Pengarah LPNM Mohd Khairulzamri M.Salleh.

Penyampaian insentif PRE Prihatin Rakyat kepada Pengusaha Nanas merupakan sebahagian daripada keseluruhan nilai insentif yang diterima oleh LPNM sebanyak RM13 juta di bawah PRE Prihatin Rakyat.

Ronald berkata buat masa ini, kapasti negara untuk mengeluarkan nanas ialah 400,000 tan metrik dengan nilai lebih RM500 juta setahun.

“Walaupun begitu, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk pasaran nanas MD2 di luar negara serta pasaran tempatan,” katanya.

Beliau yakin sektor nanas akan terus menjadi sektor yang berdaya maju dengan situasi negara-negara dunia dalam proses pemulihan dan pemvaksinan (vaksinasi) Covid-19.

Katanya dengan pemulihan dan pemvaksinan yang sedang berjalan, eksport nanas dijangka akan terus berkembang sebanyak lima peratus setahun bagi tempoh RMK-12 ini.

Eksport nanas negara mencatatkan jumlah sebanyak RM490 juta bagi tahun 2019 berbanding RM343 juta pada tahun 2018, katanya.

Dalam pada itu, Ronald berkata terdapat perkembangan positif cadangan mewujudkan LPNM di negeri Sabah bagi meningkatkan pengeluaran dan meluaskan penanaman nanas negara.

Katanya ia menerusi kunjungan rasmi beliau dan turut disertai Timbalan Ketua Pengarah LPNM terhadap Ketua Menteri Sabah Datuk Hajiji Mohd Noor dan Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah Datuk Seri Dr Jeffery Kitingan pada 19 Februari 2021 di Kota Kinabalu.

Menurutnya, beberapa perkara penting telah dibincangkan dengan Ketua Menteri Sabah dalam pertemuan tersebut untuk terus bekerjasama bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan menjamin keselamatan makanan negara.

“Ini adalah satu perkembangan positif bagi industri nanas keseluruhannya dan tindakan lanjut susulan perbincangan tersebut sedang diambil oleh MAFI bagi merealisasikan cadangan ini dalam masa terdekat,” kata Ronald.

Disediakan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
16 MAC 2021

Pegawai untuk dihubungi:
013-8571226 – Chindarayareh Jinti